

Dadah: Kerajaan akan terus bertindak ikut undang2 — PM

UM 27 JUN 1986

P BUKIT MERTAJAM 26 Jun — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerajaan akan terus bertindak mengikut undang-undang negara terhadap sesiapa yang melakukan kesalahan sebagai pengedar dadah, termasuk rakyat asing.

Beliau berkata pengedaran dadah adalah kegiatan jenayah kerana kesannya akan membunuh mereka yang menjadi penagih.

"Mereka yang mengedar adalah penjenayah yang perlu dibanteras habis-habisan."

"Kerajaan tidak boleh ambil kira warna kulit. fa-

haman agama, falsafah, sama ada rakyat asing atau rakyat negara ini dalam menghukum mereka yang terlibat," katanya.

Bercakap kepada para pemberita ketika melawat Pusat Insaf Diri Bukit Mertajam di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah sekiranya rakyat Malaysia melakukan kesalahan di negara asing, "negara asing itulah yang menentukan hukuman ke atas mereka berasaskan undang-undang negara berkenaan."

Contoh

Dalam hubungan ini Perdana Menteri memberi contoh mengenai kes BMF di Hong Kong yang melibatkan rakyat Malaysia.

"Jika rakyat Malaysia yang terlibat bersalah, kerajaan negara itulah yang mengenakan hukuman," tambahnya.

Beliau juga menegur golongan yang asyik mempertahankan kepentingan penjenayah dadah dari memberi perhatian kepada penderitaan penagih dan keluarga mereka.

"Kita sungguh kesal atas sikap golongan seperti itu yang masih terdapat di negara kita," katanya.

Ditanya mengenai dua orang rakyat Australia Brian Geoffrey Chambers, 29 dan John Kevin Barlow, 28, yang dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah di negara ini, Perdana Menteri berkata;

"Apa yang kita tahu kerajaan Australia tidak menyentuh mengenai perkara itu.

"Ketika saya berada di Perth, baru-baru ini Perdana Menteri Australia (Bob Hawke) ada menelefon saya tetapi tidak pula membangkitkan soal itu."